

Tarikh bersara hujung bulan beri ruang berehat — Dr. M

UM - 6 OCT 2003

Oleh AZNAN BAKAR

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau menanti tarikh persaraan hujung bulan ini kerana akan memberi ruang kepadanya untuk berehat.

Perdana Menteri berkata, pada masa sekarang jadual hariannya sangat ketat, oleh itu tempoh bersara yang bermula awal bulan depan akan digunakan untuk tujuan itu.

“Sudah banyak kali tanya, rasa hendak berhenti la, boleh rehat sikit. Ini tidak henti-henti punya acara (yang perlu dihadiri),” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan perlumbaan Formula Satu Bot Laju Dunia di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demiki-

an ketika ditanya perasaan beliau ekoran tarikh persaraan yang semakin hampir.

Dr. Mahathir memberitahu, sejak awal bulan ini acara-acara yang perlu dihadirinya sangat ketat sama ada di dalam atau di luar negara.

“Dari awal bulan ini ada LIMA (Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi), diikuti dengan perlumbaan Formula Satu Bot ini dan kuda.

“Esok saya akan pergi ke Bali, kembali dari Bali ada beberapa acara yang membawa kepada OIC (Persidangan Pertubuhan Islam),” katanya.

Selepas OIC katanya, beliau akan menghadiri Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok

diikuti dengan lawatan ke Papua New Guinea.

Kemudiannya kata Dr. Mahathir, beliau akan melawat Timur Leste dan akhir sekali ke Jakarta.

“Satu jadual yang sangat ketat,” jelas beliau.

Mengenai tarikh penyerahan tugas kepada penggantinya, Dr. Mahathir secara sinis meminta supaya merujuk kepada *Business Week*.

“Itu (tarikh penyerahan tugas) kena tanya dengan *Business Week*. Sebab mereka lebih tahu bila saya akan serah tugas kepada timbalan saya.

“Kena ikut mereka, kalau tidak ikut nanti mereka kata saya penipu,” ujarnya.